



Siaran Akhbar Bersama

MARDI, Kilang Beras Seri Merbok dan BASF lancar Pusat Tani Clearfield® pertama di Asia Pasifik

- **Beri peluang petani dalam kaedah tanaman Sistem Pengeluaran Clearfield® dengan betul**
- **Sistem Pengeluaran Clearfield® sasar bantu Malaysia capai tahap sara diri beras nasional**
- **Berfungsi sebagai pusat rujukan bantu pesawah dapat maklumat teknologi Clearfield®**

Alor Setar, Malaysia – 24 Februari 2017 – Para petani dan pesawah kini boleh meningkatkan ilmu pengetahuan dan mendalami teknik penanaman padi melalui Sistem Pengeluaran Clearfield® dengan lebih terperinci hasil penubuhan kompleks Pusat Tani Clearfield® (PTC) yang pertama seumpamanya di Asia Pasifik melalui projek bersama dengan Institut Penyelidikan & Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Kilang Beras Seri Merbok Sdn. Bhd. (KBSM) dan BASF (Malaysia) Sdn. Bhd.

Pusat Tani Clearfield® yang dibangunkan di Kilang Beras Seri Merbok di Alor Setar telah dilancarkan oleh YBhg. Datuk Dr Sharif Haron, Ketua Pengarah MARDI. Turut hadir, Leon van Mullekom, Pengarah Setempat Perniagaan Pertanian BASF ASEAN; Abu Samah Hashim, Ketua Pegawai Operasi KBSM; wakil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani wilayah utara, ketua-ketua bahagian Jabatan Pertanian Daerah serta pesawah tempatan.

“Pesawah yang menggunakan Sistem Pengeluaran Clearfield® mampu meningkatkan hasil tuaian sehingga 50% - 60% semusim jika dilakukan dengan cara yang betul. Pusat Tani Clearfield® dilengkapi fasiliti moden yang canggih, antara lain menawarkan khidmat latihan kepada para petani dan pesawah bagi pengurusan lengkap, amalan,

teknik serta cara penggunaan Sistem Pengeluaran Clearfield® yang terbukti dapat meningkatkan hasil tuaian sehingga 2.5 t/ha“, jelas Datuk Dr. Sharif Haron.

Projek ini diterajui MARDI yang bertindak sebagai badan utama kerajaan untuk mempromosi dan meningkatkan amalan baik dalam sektor pertanian melalui kepakaran penyelidikan & pembangunan (R&D) di Malaysia manakala BASF pula memainkan peranan utama dalam sumbangan teknologi, inovasi dan kepakaran bagi sistem pengeluaran Clearfield®. Pusat Tani Clearfield® diyakini dapat menyumbang keupayaan kepada para petani bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam industri pertanian, terutama beras.

“Kerjasama diantara MARDI, KBSM dan BASF dalam membangunkan Pusat Tani Clearfield® yang pertama di Asia Pasifik ini mampu memberikan impak yang besar kepada industri penanaman padi di Malaysia secara amnya dan kepada para pesawah secara khususnya. Dengan latihan komprehensif yang disediakan di pusat tani ini, para petani boleh memahami dan mendalami teknik-teknik penanaman padi secara keseluruhan, termasuk faedah dan kelebihan serta pengurusan teknologi Clearfield® dengan tepat sekaligus meningkatkan hasil tanaman dan pendapatan mereka”, kata Leon van Mullekom, Pengarah Setempat Perniagaan Pertanian BASF ASEAN.

Pusat Tani Clearfield® yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur moden, canggih dan terkini, antara lain menawarkan perkhidmatan latihan kepada para petani secara komprehensif berkaitan pengurusan, amalan, teknik serta kaedah-kaedah yang betul dalam penggunaan baja dan bahan kimia OnDuty™ seperti yang dijelaskan dalam peraturan penggunaan Sistem Pengeluaran Clearfield®, serta memberi tujuk ajar yang betul bagi pelaksanaan sistem pengeluaran tersebut yang terbukti dapat meningkatkan hasil pengeluaran beras para petani jika diuruskan dengan cara yang khusus.

“Sebagai salah satu pengedar Sistem Pengeluaran Clearfield® di Malaysia, KBSM berbesar hati untuk memperkenalkan Pusat Tani Clearfield® sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat kami untuk tingkatkan kemahiran

pesawah serta pendapatan mereka”, kata Abu Samah Hashim, Ketua Pegawai Operasi KBSM.

Latihan-latihan yang dikelolakan oleh pakar-pakar dari pihak MARDI dan BASF juga bertujuan untuk memastikan tahap pencapaian sara diri bagi pengeluaran beras di Malaysia dapat dicapai dengan jayanya, justeru latihan dan bimbingan secara intensif ini mampu memberikan tunjuk ajar kepada para petani dan meningkatkan tahap keyakinan mereka ketika menguruskan tapak semaian, pemilihan anak benih berkualiti, teknik semburan racun dan baja yang mencukupi serta asas-asas lain yang terdapat dalam sistem pengeluaran Clearfield® bagi meraih pendapatan lumayan.

Tahun lepas, BASF Malaysia telah menerima anugerah Keusahawanan, Penyelidikan dan Kerjasama Perniagaan 2016 yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, sebagai penghargaan atas kerjasama erat bersama MARDI dalam pembangunan dan pengkomersilan varieti beras istimewa. Dengan menggunakan Sistem Pengeluaran Clearfield®, varieti ini bertindak secara efektif dalam mengawal penyebaran ‘padi angin’ dikebanyakan kawasan sawah padi di Malaysia.

Mengenai Institut Penyelidikan & Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI)

MARDI ialah sebuah badan berkanun yang menjalankan penyelidikan dalam bidang makanan dan pertanian dan industri asas tani. Selain melaksanakan projek-projek Penyelidikan dan Pembangunan (R & D), institute ini juga menyediakan perkhidmatan teknikal dan pembangunan usahawan dalam bidang makanan, pertanian dan lain-lain perkhidmatan dalam industri. Perkhidmatan teknikal yang disediakan adalah dalam bentuk khidmat nasihat, perundingan, latihan teknikal, perkhidmatan makmal dan pensijilan kualiti, pembangunan proses dan produk dan peningkatan teknologi. Selepas 45 tahun penubuhan institut ini, para petani dan usahawan telah menerima pakai teknologi yang telah berjaya disumbangkan oleh MARDI kepada pembangunan sektor makanan, pertanian dan industri asas tani. Ini telah membantu untuk mengekalkan sektor pertanian sebagai penyumbang kepada ekonomi negara. Sebagai sebuah organisasi dengan perniagaan teras dalam penyelidikan bagi bidang sains dan teknologi, MARDI menyediakan kumpulan pakar dalam bidang keperluan yang dikenal pasti, dan menyumbang secara efektif kepada corpus ilmu di peringkat global.

Mengenai Kilang Beras Seri Merbok Sdn. Bhd.

Kilang Beras Seri Merbok Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat pengeluar biji benih padi sah yang utama di Malaysia. Ia ditubuhkan pada 31 Januari 1999 dengan modal berbayar sebanyak RM100,000 (Ringgit Malaysia Seratus Ribu). Kini, modal berbayar syarikat telah ditambah kepada RM4,000,000 (Ringgit Malaysia Empat Juta) dan perolehan tahunan syarikat telah melangkaui RM200,000,000 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Juta) bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Syarikat ini telah diiktiraf sebagai Syarikat Bertaraf Bumiputera oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan juga telah mendapat pengiktirafan sebagai sebuah syarikat yang mematuhi Piawaian Sistem Pengurusan Kualiti bertaraf ISO 9001:2008, EN ISO 9001:2008, BS EN ISO 9001:2008 dan MS ISO 9001:2008 yang merangkumi aspek Perolehan, Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemborongan biji benih padi.

Mengenai BASF

Di BASF, kami mencipta kimia untuk masa depan yang berterusan. Kami menyatukan kejayaan ekonomi dengan perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial. Seramai lebih kurang 112,000 warga kerja Kumpulan BASF bekerjasama untuk menyumbang kepada kejayaan pelanggan-pelanggan kami dari segenap pelusuk industri dan hampir diseluruh negara didunia. Produk-produk kami disusun dalam lima segmen: bahan kimia, plastik, produk prestasi, produk pelbagai fungsi dan penyelesaian, produk pertanian serta minyak dan gas. BASF memperoleh jumlah pendapatan jualan lebih €70 billion pada tahun 2015. Saham-saham syarikat BASF didagangkan di bursa saham di Frankfurt (BAS), London (BFA) dan Zurich (AN). Maklumat lanjut mengenai BASF boleh didapati dilaman web www.basf.com.

Media Contacts - MARDI

Nur Akmal Binti Hassan
Phone: +6 03 8953 7209
nurakmal@mardi.gov.my

Hazrul Amry Mohd Noor
Phone: +6 03 8953 7208
amry@mardi.gov.my

Media Contacts - BASF

Robitahani Zainal
Phone: +6 03 5628 3639
hani.zainal@basf.com

Norhisham Abdullah
Phone: +6 03 5628 3924
norhisham.abdullah@basf.com